

WADDAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
<http://umplibrary.ump.edu.my>



MENARIK DIDALAM

Pelan Strategik Perpustakaan
2016-2020

PERKONGSIAN ILMU

Pengurusan Dokumen Perkhidmatan dan Dokumen Peribadi Penjawat Awam

GOOGLE SCHOLAR

Muka Surat

ISI KANDUNGAN

- 2 Bicara Ketua Pustakawan
- 3 Pelan Strategik Perpustakaan 2016-2020
- 5 *Google Scholar*
- 6 Kursus Khidmat Pelanggan
- 7 Kursus Bahasa Inggeris
- 8 Lawatan
- 9 - Program Malaysia Ngaji: Satu Jam Bersama Al-Quran
- Majlis Pelancaran Butik PGS dan Karnival PGS
- 10 - Perkongsian Ilmu: Pengurusan Dokumen Perkhidmatan dan Dokumen Peribadi Penjawat Awam
- Kelas Pendidikan Pengguna
- 11 *Kelab Perpustakaan UMP*
- 12 *Tongkat Ali: Pusaka Bumi di Persada Dunia*
- 14 *Info Staf*

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Tuan Haji Ruslan Che Pee

EDITOR

Siti Aishah Ghani
Ratna Wilis Haryati Mustapha

EDITOR JEMPUTAN

Safriza Baharudin

REKA BENTUK GRAFIK

Mohd Esuadi Mustaffa

JURUFOTO

Muhammad Ridhuan Shah Abdul Shukur

PEMBERITA / WARTAWAN

Sufarini Mohd Sudin
Nor Ashikin Ahmad
Rosfadilla Mohamad Zainun
Roziati binti Razali
Nurezzatul Akmal Salleh
Faizatul Nadia Mohd Amran



KAMPUS PEKAN

PENTADBIRAN
Perpustakaan
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan, Pahang.
Telefon: 09-424 5639/5627
Faks: 09-424 5666

UNIT PEROLEHAN & TERBITAN

BERSIRI
Affida Abu Bakar
09-424 5609

UNIT HADIAH

Syarifah Nazirah Syed Omar
09-424-5656

UNIT PENGKATALOGAN

Siti Aishah Ghani
09-424 5604

Wan Nurulhuda Wan Zakaria
09-424 5636

UNIT SIRKULASI & MEDIA

Iswan Akim Ismail
09-424 5607

UNIT RUJUKAN

Ahmad Nuruddin Abdul Nasir
09-424 5650

Muhammed Fawwaz Abdul Rasid
09-424 5651

UNIT PENGURUSAN ILMU

Noorul Farina Arifin
09-424 5605

UNIT DATA

Rohaida Mohamad Idris
09-424 5608

UNIT AUTOMASI

Amelia Hasan
09-424 5606

KAUNTER SIRKULASI

09-424 5600

KAMPUS GAMBANG

PENTADBIRAN

Perpustakaan
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak,
26300 Gambang Kuantan,
Pahang.
Telefon: 09-549 3131
Faks: 09-549 3132

UNIT SIRKULASI

Nor Ashikin Ahmad
09-549 3148

UNIT RUJUKAN

Noor Azura Omar
09-549 3136

KAUNTER SIRKULASI

09-549 3131

BICARA

== KETUA PERPPUSTAKAAN ==

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh & salam sejahtera,

Segala pujian dipanjatkan kehadrat Ilahi atas keizinanNYA dapat juga WADAH Bil. 2/2016 dikeluarkan. Walau keluarannya agak lewat dari perancangan asal tetapi tanpa rasa putus asa dan usaha gigih Sidang Redaksi, WADAH dapat juga ditatap dan disebarkan di kalangan pembaca budiman.

WADAH Bil. 2/2016 yang dikeluarkan pada tahun 2017 merupakan anjakan dan suntikan baru dalam mengerakkan perpustakaan selari dengan Pelan Strategik Universiti Malaysia Pahang (UMP) 2016-2020

Cabaran dalam memaknakan Pelan Strategik UMP, disamping membawa matlamat “Memasyarakatkan Teknologi” memerlukan penghayatan dan komitmen semua warga perpustakaan. Pelan Strategik Perpustakaan (PSP) 2016-2020 telah menggariskan 14 petunjuk prestasi (KPI) dengan 22 inisiatif agar warga perpustakaan sama-sama mengembeling tenaga dalam mencapai hala tuju yang sama.

Cabaran kita dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik dalam situasi kewangan yang berhemah tidak boleh dijadikan alasan untuk mengurangkan kepuasan hati pengguna. Bermula tahun 2016, penjimatan dan penjanaan kewangan mula menjadi agenda utama dalam setiap aktiviti dan program. Bahkan Perpustakaan juga perlu menilai setiap perkhidmatan yang ditawarkan memberi impak kepada pengguna dan Universiti.

Saya berharap para pembaca umumnya dan pengguna perpustakaan UMP khususnya dapat memanfaatkan sepenuhnya perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak Perpustakaan. Manakala warga perpustakaan perlu lebih kreatif dan inovatif dalam ‘menjana kegemilangan dalam kesederhanaan’ bagi mencapai PSP 2016-2020.

Hj Ruslan Che Pee

Ketua Pustakawan

Universiti Malaysia Pahang



“You’ve got to think about big things while you’re doing small things, so that all the small things go in the right direction.” —Alvin Toffler

PELAN STRATEGIK PERPUSTAKAAN 2016-2020: Menjana Kegemilangan dalam Kesederhanaan

Disediakan Oleh : Siti Aishah Binti Ghani

PENGENALAN

Pelan Strategik Perpustakaan (PSP) 2016-2020 telah mula dibengkelkan pada Jun 2016 dan dimurnikan pada Ogos 2016. Selari dengan Pelan Strategik Universiti Malaysia Pahang (UMP), PSP juga tidak ketinggalan dalam melihat dan menilai inisiatif sedia ada dan inisiatif baharu bagi menjana kegemilangan UMP.

5 Lonjakan Strategik melalui 14 Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicators) dengan 22 inisiatif yang akan memacu pencapaian perpustakaan. Peranan dan komitmen dalam menayakan setiap inisiatif menjadi keutamaan dalam setiap proses kerja. Ia bukan sahaja cabaran dan peranan kepada *champion* setiap lonjakan tetapi juga digalas bersama warga perpustakaan

PSP 2016-2020 dimantapkan dengan mewujudkan *champion*, pasukan (*team*) bagi setiap lonjakan dan juga *person incharge (PIC)*. Ia lebih berstruktur dan terancang dari aspek pelaksanaan dan kawalan pencapaian PSP pada kali ini

5 LONJAKAN STRATEGI PERPUSTAKAAN

| 5 LONJAKAN STRATEGIK PERPUSTAKAAN 2016-2020 | |
|---|--|
|  <p>LS1 KEMAMAPAN SUMBER AKADEMIK</p> | Penyediaan sumber (koleksi ber cetak & elektronik serta sumber atas talian) dan prasarana terkini untuk menyokong keunggulan akademik universiti |
|  <p>LS2 KELESTARIAN KEWANGAN</p> | Minimumkan perbelanjaan dan mengoptimumkan sumber pendapatan dalam menjana kewangan. |
|  <p>LS3 KEMAMAPAN SUMBER DALAM PENYELIDIKAN & INOVASI</p> | Pemantapan sistem penyampaian (UMP-IR) & libatsama pengukuran prestasi penerbitan, penyelidikan dan inovasi |
|  <p>LS4 KEMAMAPAN SOSIO-EKONOMI DAN PERSEKITARAN</p> | Menyokong melahirkan usahawan yang unggul berorientasikan maklumat disamping menyediakan bahan pembelajaran kepada masyarakat |
|  <p>LS5 KEUNGGULAN JENAMA</p> | Meningkatkan imej perpustakaan melalui pemantapan sistem penyampaian dan pengiktirafan bagi tadbir urus perpustakaan yang cemerlang. |

Lonjakan strategik perpustakaan selari dengan UMP tetapi didefinisikan mengikut bidang dan liputan perpustakaan agar ianya mudah difahami, diterjemahkan dan dilaksanakan di semua peringkat di perpustakaan. PSP 2016-2020 mempunyai 5 Lonjakan Utama berbanding dengan Pelan Strategik 2011-2015 terdapat 4 UKRA (University Key Result Areas) sahaja.



FOKUS UTAMA

Walaupun perpustakaan telah menggariskan 14 KPI dan 22 inisiatif tetapi penekanan berasaskan kepada :

- Mengoptimumkan penggunaan kemudahan di perpustakaan
- Kemamapan pengurusan data penerbitan universiti
- Keunggulan jenama

Mengoptimumkan penggunaan kemudahan di perpustakaan

Kemudahan sedia ada di perpustakaan akan dikembangkan dan diperluaskan penggunaannya bagi menyokong LS 2 dan juga LS 4. Sewaan ruang dan juga menambahbaik kemudahan sedia ada untuk manfaat para pengguna serta perpustakaan itu sendiri.

| 14 PETUNJUK PRESTASI UTAMA PERPUSTAKAAN | |
|---|---|
| <p>01 Lonjakan Strategik</p> | <p>KEMAMAPAN SUMBER AKADEMIK</p> <p>1. Koleksi Berimpak Tinggi & Berfokus 2. Literasi Maklumat 3. Sudut Pengantarabangsa 4. Fasiliti</p> |
| <p>02 Lonjakan Strategik</p> | <p>KELESTARIAN KEWANGAN</p> <p>1. Penjana Pendapatan 2. Optimum Perbelanjaan</p> |
| <p>03 Lonjakan Strategik</p> | <p>KEMAMAPAN SUMBER DALAM PENYELIDIKAN & INOVASI</p> <p>1. Pemeliharaan Dan Penyampaian Harta Intelek Universiti Melalui UMP-IR 2. Pengukuran Prestasi Penyelidikan</p> |
| <p>04 Lonjakan Strategik</p> | <p>KEMAMAPAN SOSIO-EKONOMI DAN PERSEKITARAN</p> <p>1. Keusahawanan Sosial 2. Khidmat Tanggungjawab Komuniti</p> |
| <p>05 Lonjakan Strategik</p> | <p>KEUNGGULAN JENAMA</p> <p>1. Kecemerlangan Staf 2. Apresiasi Perpustakaan 3. Pemantapan Sistem Penyampaian Atas Talian 4. Penarafan Universiti</p> |

UMP yang telah mendapat autonomi akan memacu penjimatan dan pengurusan sumber yang lebih cekap. Penjimatan dan penjaanaan kewangan oleh perpustakaan juga dititikberatkan. Tambahan pula dengan agihan terhad oleh pihak universiti menuntut staf agar lebih kreatif dalam mencapai sasaran dalam penjimatan dan penjaanaan kewangan perpustakaan .

Kemampuan pengurusan data penerbitan universiti

Cabaran mutakhir kini adalah kepentingan penarafan dalam menentukan status sesebuah universiti. Terkesan dengan kehendak universiti berkaitan penarafan dan data penerbitan menyebabkan Unit Data ditubuhkan di perpustakaan UMP.

Pengurusan data penerbitan penting untuk penarafan universiti seperti *Malaysia Reseach Assessment Instrument (MYRA)*, Sistem Pengurusan Data KPM (MYMOHES), Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan sebagainya. Selain ia penting untuk Perpustakaan dan kredibiliti pustakawan, ia juga dititikberat oleh universiti dalam Lonjakan Strategik (LS) ke 3.

“Branding is the art of becoming knowable, likable and trustable”
John Jantsch

Keunggulan Jenama

PSP 2016-2020 menekankan:

- **Bakat Staf:** Penglibatan staf dalam program dan mengadakan aktiviti yang boleh meningkatkan kompetensi staf meliputi keterlibatan dalam jawatankuasa, kepimpinan, penulisan dan program pembangunan staf.
- **Apresiasi Perpustakaan:** Mewujudkan anugerah/hadiah kepada staf sebagai tanda penghargaan kepada staf.
- **Pemantapan Sistem Penyampaian Atas Talian:** Penerbitan atas talian serta *tutorial/user guide* untuk pengguna peprustakaan.
- **Menyokong Penarafan Universiti:** Melalui program-program anjuran jabatan yang boleh menyokong mana-mana penarafan universiti seperti *UI Green Metrics*.

“Greatness is not where we stand , but in what direction we are moving”
Oliver Wendell Holmes

PENCAPAIAN 2016

Bagi tahun 2016, sasaran PSP belum dapat dinilai kerana baru berusia 4 bulan. Dengan harapan 2017, staf akan lebih terfokus dalam menggerakkan inisiatif-inisiatif yang diutarakan.

Hasrat Perpustakaan bukanlah sekadar mencapai sasaran tetapi melaksanakan dengan kaedah yang betul dan tepat serta tidak berputus asa dalam mempelbagaikan inisiatif bagi mencapai matlamat




Google Scholar

Mudahnya menggunakannya

Disediakan Oleh : Mohd Ariffin Bin Abdul Aziz

Pernahkah anda menjumpai artikel tanpa nama pengarang dalam pencarian di internet? Artikel seperti ini tidak sesuai untuk rujukan kerana artikel tersebut bukan dalam kategori *scholar* atau artikel ilmiah. Oleh itu, anda boleh menggunakan kemudahan Google Scholar.

Tahukah apa itu *Google Scholar*? *Google Scholar* adalah produk daripada *Google* yang digunakan khusus untuk mencari artikel ilmiah. Ia merangkumi hampir semua portfolio akademik. Pemilihan scholar ini menghadkan carian hanya kepada bahan akademik dan artikel sastera seperti, tesis, buku, abstrak, penerbit akademik, persatuan profesional, universiti dan termasuklah jurnal artikel. Ini bermakna, artikel persendirian, blog dan sebarang petikan bukan bersifat akademik tidak akan muncul. Dengan '*google scholar*' pencarian artikel ilmiah menjadi lebih mudah.



1. Taipkan "*scholar.google.com*" pada bar alamat, dan tekan Enter pada papan kekunci. Secara automatik akan membawa anda ke enjin carian *Google Scholar*. Di bawah, anda akan mendapati sebuah kotak carian dan butang carian.



2. Klik di dalam kotak carian di atas. Taip kata kunci nama artikel tertentu yang anda mahu untuk mencari dalam talian, contohnya "perpustakaan digital". Klik butang biru "Cari" untuk membolehkan carian *Google* dibuat. Anda juga boleh mencari menggunakan kategori sebagai alternatif.



3. Bagi pencarian menggunakan kategori. Kadangkala anda mungkin tidak tahu nama sebenar artikel yang anda sedang cari. Dalam situasi ini, anda boleh mencari artikel mengikut kategori. Dalam kotak carian, taip kategori artikel yang anda mahu untuk mencari, sebagai contoh, artikel mengenai perpustakaan digital. Senarai maklumat berkaitan carian akan muncul, misalnya, perspektif perpustakaan, pengembangan dan sebagainya.



4. Pada hasil carian yang muncul, skrol ke bawah dan klik pada artikel yang anda ingini. Artikel ini akan dipaparkan pada halaman seterusnya, dan anda kini boleh membaca artikel tersebut.

Tatacara di atas adalah penggunaan '*Google Scholar*' menggunakan komputer. Selain itu, anda juga boleh menggunakan aplikasi '*Google Scholar Droid*'. Aplikasi ini adalah serasi dengan versi Android 2.1 dan ke atas. Jika anda tidak mempunyai aplikasi yang dipasang pada telefon anda, anda boleh melawat '*Google Play*' untuk dapatkan aplikasi tersebut secara percuma.

KURSUS KHIDMAT PELANGGAN

Mantapkan Pengendalian Pelanggan

Pada 18 & 19 Julai 2016, Unit Pengurusan Kualiti & Latihan (UPKL) Perpustakaan dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Bakat UMP telah menganjurkan Kursus Pengendalian Pelanggan di Dewan Tun Fatimah UMP Gambang yang hanya melibatkan pembantu pustakawan sahaja. Penceramah yang dijemput ialah Puan Siti Najihan Karimah binti Mat Ali. Beliau merupakan Penolong Perunding Latihan di INTAN Wilayah Timur. Seramai 32 peserta telah hadir dari Perpustakaan Kampus Pekan dan Gambang.

Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya perhubungan dengan orang ramai serta mengamalkan etika amalan perhubungan pelanggan. Selain itu, ia dapat meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai prinsip-prinsip perhubungan pelanggan yang berkualiti.




Biasakan Berbahasa Inggeris



Tarikh : 26 Julai 2016
Masa : 9:00 a.m - 1:00 p.m
Lokasi : Bilik Seminar 2, Perpustakaan Pekan
Peserta : Pembantu Pustakawan UMP
Pengajar : Pn. Haslinda @ Robita binti Hashim,
Pensyarah,
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan



APA KATA MEREKA

 Cara pengajaran dan pembelajaran yang menarik serta menggunakan pendekatan tutur bahasa yang mudah difahami. Penerangan yang ringkas dan padat mampu difahami dan dipraktikkan di dalam suasana kerja. Yang paling seronok adalah pengajar yang sangat peramah dan mudah didekati dan kelakar. Diharapkan dengan kursus Bahasa Inggeris ini dapat memberikan impak yang positif terhadap semua staf perpustakaan terutama staf perkhidmatan." – **MOHD AKHMAL HAKIM BIN ROSZAHARNI**



" Bagus dalam menambah ilmu pengetahuan cara dan adab di kaunter dengan menggunakan Bahasa Inggeris yang betul dan tepat. Pensyarah yang banyak pengalaman dalam bidang softskills selain Bahasa Inggeris" - **MOHD FAUZI BIN MOHAMED**



 "Sangat bermanfaat dan dapat menambahkan ilmu pengetahuan. Di samping itu juga, dapat menambahkan keyakinan diri untuk bertutur dalam bahasa Inggeris terutama apabila berhadapan dengan pengguna"

- **NUREZZATUL AKMAL BINTI SALLEH**



LAWATAN KERJA PERPUSTAKAAN ke Terengganu

Pada tanggal 2 Jun 2016, seramai 25 orang staf perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mengikuti lawatan ke Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang terletak di Kuala Terengganu, Terengganu.

Lawatan ini melibatkan staf dari Perpustakaan Kampus Pekan & Gambang yang terdiri daripada 4 orang pustakawan, seorang penolong pustakawan, 2 orang juruteknik komputer dan selebihnya adalah pembantu perpustakaan. Delegasi ini diketuai oleh Puan Siti Aishah Ghani dari Unit Pengurusan Kualiti & Latihan (UPKL).

Motif lawatan ini untuk mendedahkan cara pengurusan perpustakaan yang diamalkan oleh kedua-dua perpustakaan tersebut kepada staf baharu perpustakaan UMP. Disamping itu memberi peluang kepada staf menimba pengalaman mengenali perpustakaan luar dan mewujudkan jaringan kerjasama antara mereka.

Semoga peserta lawatan dapat mengaplikasikan amalan kerja terbaik dari kedua-dua universiti tersebut.



Lawatan

**Sekolah Tinggi Ilmu Kesehatan (STIKes)
Medan Indonesia ke Perpustakaan UMP Gambang**

Tarikh: 28 November 2016

Lokasi: Perpustakaan UMP Gambang

Ketua Delagasi: Tuan Sajadin Biring.

Wakil Perpustakaan: Encik Dzull Zabarrod Ahmad



MAJLIS PELANCARAN BUTIK PGS (PRELOVED GIVE AND SALE) DAN KARNIVAL PGS



Dalam usaha menyokong amalan 5S yang dilaksanakan di Universiti Malaysia Pahang (UMP), Jawatankuasa Amalan 5S Perpustakaan dengan kerjasama Kluster Waste (*Eco Green*) telah melancarkan butik barangan terpakai yang dikenali sebagai Butik PGS (*Preloved Give and Sale*) pada 19 Oktober 2016 di Perpustakaan UMP Pekan. Majlis dilancarkan oleh Pengarah Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Encik Muhammad Hairynizam Muhd Taib merangkap Pengerusi Kluster Waste (*Eco Green*) dan juga penaja Butik PGS. Turut diadakan Karnival PGS dan pameran barangan terpakai yang berlangsung selama 2 hari di lobi Perpustakaan.



Butik PGS ini dapat merealisasikan hasrat UMP dalam menyokong kempen guna semula pakaian dan barangan serta mampu menjadi platform untuk mengumpul, menjual dan memberi barangan percuma kepada warga UMP dan komuniti setempat. Turut hadir memberikan ceramah berkenaan kitar semula adalah Encik Nasir Talib, Ketua Unit Fasiliti Majlis Perbandaran Kuantan. Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan sebagai usaha menyokong ke arah kampus hijau serta pencapaian penarafan UI Green Metrics yang sedang dilaksanakan universiti.

PROGRAM MALAYSIA NGAJI: SATU JAM BERSAMA AL-QURAN

Pekan, 29 Jun – Seramai 52 orang staf Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang telah menyertai Program Malaysia Ngaji: Satu Jam Bersama Al-Quran bertempat di Sudut Bicara Ilmu, Perpustakaan Pekan. Bagi pengisian satu jam tersebut perpustakaan telah mengadakan Majlis Khatam Quran peringkat jabatan yang dipimpin oleh Nazri Kamis dan Mohd Fazaldin Abdul Latif.



Program Malaysia Ngaji: Satu Jam Bersama Al-Quran ini telah diadakan secara serentak pada jam 12.00 tengahari hingga 1.00 tengahari di seluruh Malaysia. Ia merupakan program anjuran Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se Malaysia (MPAM).



PERKONGSIAN ILMU

PENGURUSAN DOKUMEN PERKHIDMATAN DAN DOKUMEN PERIBADI PENJAWAT AWAM

Penjawat awam perlu didedahkan tentang kepentingan menguruskan dokumen perkhidmatan dan dokumen peribadi penjawat awam bagi tujuan persaraan. Satu sesi perkongsian ilmu telah disampaikan pada 14 Oktober 2016 oleh Pustakawan Kanan, Puan Nazatul Shima Baroji

Sesi perkongsian ini disampaikan sempena persaraan Puan Nazatul Shima selepas berkhidmat selama 11 tahun di UMP. Ketua Pustakawan turut memberikan ucapan penghargaan kepada beliau serta diikuti oleh sesi bergambar bersama staf Perpustakaan.

Perpustakaan UMP mengucapkan Selamat Bersara dan Selamat Maju Jaya kepada Puan Nazatul Shima Baroji.



KELAS KEMAHIRAN PENGGUNA

Sepanjang Jan – Disember 2016, Unit Rujukan Perpustakaan UMP telah menganjurkan beberapa siri kelas kemahiran pengguna kepada pengguna Perpustakaan yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah.

Objektif utama program ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada pengguna untuk mengembangkan kemahiran maklumat dalam menggunakan sepenuhnya sumber koleksi, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di perpustakaan.

Kelas kemahiran pengguna terbahagi kepada beberapa kategori iaitu Seminar Tahun Pertama (ExploraceLib), Kemahiran Insaniah (Softskills), Kelas Kemahiran Pengguna Khusus (Tumitin, Endnote dll) dan Kelas Kemahiran Pengguna Pangkalan Data (Pembekal).

Perpustakaan UMP Gambang

52 slot
1956 peserta

Perpustakaan UMP Pekan

24 sesi
602 peserta.



SAMBUTAN HARI KELUARGA

Pada 20 Ogos 2016 yang lalu, telah diadakan Hari Keluarga Kelab Perpustakaan UMP bagi memenuhi aktiviti di bawah Jawatankuasa Sukan dan Rekreasi. Kali ini Pantai Kempadang telah dipilih sebagai lokasi sambutan Hari Keluarga Kelab Perpustakaan UMP bersesuaian dengan aktiviti pantai yang telah diatitkan.

Objektif Hari Keluarga diadakan adalah mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan ahli kelab perpustakaan, menggalakkan aktiviti sukan dan meluangkan masa bersama-sama serta lebih mengenali antara satu sama lain

Aktiviti dimulakan dengan bacaan doa dan seterusnya ucapan serta tazkirah oleh penaung sebagai nasihat dan harapan untuk semua. Selain itu, sesi memanaskan badan, cabutan bertuah dan sukaneka turut diadakan. Permainan yang dianjurkan turut melibatkan ahli keluarga staf.



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2016

Setiap tahun, Perpustakaan UMP akan meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang dianjurkan oleh Kelab Perpustakaan UMP. Tema bagi tahun 2016, "Mensyukuri Nikmat" telah dipilih bagi menanam sifat bersyukur di kalangan ahli dan bersederhana dalam pelbagai aspek. Majlis telah diadakan di Sudut Bicara Ilmu, Perpustakaan UMP Pekan pada 22 Julai 2016 yang lalu.

"Sambutan yang sederhana namun meriah. Juadah-juadah yang disediakan pelbagai dan sedap-sedap belaka. Alhamdulillah kita masih berkesempatan menyambut Syawal dan semoga kite terus mensyukuri nikmat yang diberikan." (Puan Wan Rosnur Irma)



Tongkat Ali: Pusaka Bumi di Persada Dunia

Penulis bersama: Dr Jaya Vejayan, Prof Dr Mashitah binti Mohd Yusoff, Dr Aini Norhidayah dan Amira Alia Zulkifli



Gambar Fatin Hasnina binti Hafiz dengan produk prototaip Tongkat Ali yang diusahakan semasa projek tahun akhir

Bermula sebagai salah satu amalan turun-temurun yang digunakan oleh golongan lelaki terutamanya masyarakat Melayu, kini herba ini telah dikenali di seluruh pelusuk dunia dan yang menariknya, di negara barat ia masih dikenali dengan nama asalnya iaitu 'Tongkat Ali'. Jika berkunjung ke laman web membeli belah secara atas talian seperti Amazon.com atau eBay, lebih kurang 3,100 produk yang berasaskan Tongkat Ali terutamanya dalam bentuk kapsul. Produk yang dijual bukan sahaja dikeluarkan oleh pengeluar dari Asia Tenggara malah syarikat dari Amerika Syarikat dan Eropah juga turut mempromosikan produk berasaskan Tongkat Ali

Secara tradisi akar Tongkat Ali dipercayai mempunyai pelbagai khasiat yang mujarab dalam mengubati pelbagai penyakit terutamanya sifat afrodisiaknya. Tidak boleh dinafikan bahawa ketika kaum lelaki menghadapi masalah kelamin mereka akan mencari alternatif lain seperti mengambil suplemen dan mengambil ubat tambahan lain. Dalam konteks ini, terbukti bahawa Tongkat Ali sangat berkesan apabila digunakan secara berterusan dan memberi testimoni positif tentang keberkesannya dalam menyelesaikan masalah kelamin dan libido. Jadi apakah isunya? Bukankah Malaysia harus berbangga dengan khazanah Malaysia kerana ia dikenali di serata dunia?

"Tongkat Ali digunakan dan dipercayai oleh kaum lelaki kerana ia didapati mujarab, berasal daripada sumber semulajadi dan bukannya daripada sumber kimia sepertimana ubat-ubatan lain. Sifat afrodisiak dalam tumbuhan herba ini menarik minat para saintis untuk melakukan kajian sekaligus meyakinkan lagi pengguna tentang keberkesanan Tongkat Ali dalam merawat masalah yang dihadapi oleh kaum lelaki"

Satu kajian telah dilakukan keatas tikus jantan dan hasil kajian ini mendapati bahawa tabiat tikus jantan bertambah giat ke arah aktiviti mengawan (seks) selepas diberi makan Tongkat Ali secara berterusan selain kandungan testosterone dalam darah juga menunjukkan peningkatan yang ketara. Hormon testosterone amat penting dalam fungsi normal seorang lelaki. Tongkat Ali didapati dapat meninggikan tahap kandungan hormon testosterone dengan cara dimana ianya merangsang badan seseorang itu untuk menghasilkan hormon ini secara semulajadi. Selain itu juga, kajian membuktikan Tongkat Ali boleh meningkatkan tenaga seseorang. Pengaruh Tongkat Ali lama-kelamaan diiktiraf kerana khasiatnya



Gambar Tongkat Ali yang berukuran 3 kaki panjang


“Apabila permintaan melebihi bahan mentah maka timbul isu-isu yang tidak enak untuk didengar. Dalam hal ini, tumbuhan herba ini juga menghadapi masalah yang sama dimana sumber mentah asli dari hutan sukar didapati secara berterusan. Kebiasaannya pokok yang matang mengambil masa lebih kurang 5 tahun untuk menghasilkan akar yang bersaiz 2-3 kaki panjang.”

Pelbagai usaha telah dilakukan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap akar Tongkat Ali liar seperti penanaman domestik dan pembenihan secara tisu kultur. Namun kualiti Tongkat Ali dari penanaman domestik dan tisu kultur tidak setanding dengan kualiti Tongkat Ali liar mahupun dari segi khasiat atau keberkesanannya.

Kerajaan Malaysia telah melakukan pelbagai usaha untuk melindungi tumbuhan ini dimana aktiviti penuaian dan aktiviti mengimport tumbuhan ini ke luar negara adalah sangat terhad dan dikawal oleh renjer hutan. Persoalan timbul bagaimanakah pengeluar produk Tongkat Ali memenuhi permintaan pengguna yang kian bertambah setiap hari. Pada masa kini, pelbagai produk Tongkat Ali contohnya kapsul, minuman pra-campuran, serbuk atau serpihan akar, maajun dan sebagainya membanjiri pasaran ubat-ubatan.

Kerajaan Malaysia telah melakukan pelbagai usaha untuk melindungi tumbuhan ini dimana aktiviti penuaian dan aktiviti mengimport tumbuhan ini ke luar negara adalah sangat terhad dan dikawal oleh renjer hutan. Persoalan timbul bagaimanakah pengeluar produk Tongkat Ali memenuhi permintaan pengguna yang kian bertambah setiap hari. Pada masa kini, pelbagai produk Tongkat Ali contohnya kapsul, minuman pra-campuran, serbuk atau serpihan akar, maajun dan sebagainya membanjiri pasaran ubat-ubatan.

Ini adalah motif pengeluar untuk mengambil kesempatan dengan populariti Tongkat Ali yang dipercayai oleh seluruh dunia bagi mengaut keuntungan yang cepat. Bagi menangani penipuan sebegini, para saintis cuba membantu dengan mengkaji cara-cara berkesan untuk mengenalpasti produk-produk ‘Ori’ Tongkat Ali seperti penggunaan ‘electric nose’ (hidung elektronik), ‘electronic taste sensor’ (pengesan rasa elektronik), penanda baru protin selain penanda sedia-ada iaitu penanda kimia ‘Eurycomanone’ dan pelbagai lagi cara-cara yang sukar untuk dijelaskan untuk pemahaman orang-ramai. Namun, satu cara termudah untuk mengenalpasti samada ianya akar Tongkat Ali yang tulen ialah dengan cara meletakkan secebis sampel Tongkat Ali pada lidah (menjauhi mulut seperti yang ditunjukkan pada gambar di bawah) yang paling peka kepada rasa pahit. Tongkat Ali amat pahit rasanya kerana mengandungi kandungan unik ‘quassinoids’.



Gambar menunjukkan cara mudah untuk mengenalpasti Tongkat Ali yang tulen.

Apakah masa depan Tongkat Ali di persada dunia? Adakah kemungkinan juzuk utama bahan aktif yang berkesan untuk aktiviti afrodisiak dikenalpasti sepenuhnya dan seterusnya dengan kebolehan saintifik menggunakan peralatan canggih di makmal barat boleh menghasilkannya secara kaedah sintesis. Jika ini berlaku malangnya ianya akan menyebabkan kurangnya pergantungan kepada sumber asli dan seterusnya populariti Tongkat Ali akan jatuh di persada dunia. Apa yang lebih memisaukan, ini juga bermakna warisan turun-temurun negara ini dilanun ke luar negara dan seterusnya hilanglah warisan kebanggaan ini tanpa kita sedari



PERKAHWINAN

Nama staf: *En. Zulekmal Hanis Rasmadi*
Nama isteri: *Pn. Siti Khadijah Amir*
Tarikh bernikah : 28 Mei 2016

TAKZIAH



Salam takziah kepada
Encik Noorazli Othman di atas ujian
'kegagalan buah pinggang'
yang memerlukan dialisis mingguan.
Semoga beliau dan keluarga tabah
hadapinya.

ANUGERAH STAFF

ANUGERAH PEKERJA BERDISPLIN 2016

En. Rizal Bin Ramly
Unit: Automasi



Cik Zuriakatina Binti Muda
Unit: Sirkulasi Pekan

ANUGERAH PEKERJA SIHAT 2016

En. Iswan Akim Bin Ismail
Unit: Sirkulasi Pekan



Pn. Norashikin Binti Nordin
Unit: Digital

KELAHIRAN ANAK



Kelahiran anak ketiga
Puan Neng Sury Sulaiman
Siti Aida Adelia Binti SH Aznaidi
-10/11/16



Kelahiran anak kelima
En. Nazri Kamis
Nurul Nazihah Binti Nazri
-17/11/16



Kelahiran anak pertama
En. Ahmad Nurudin Abdul Nasir
Nayla El Medina Binti Ahmad Nurudin
-25/11/16

STAF BERHENTI



En. Khairul Akmal Mat Khari
Tempoh Berkhidmat: 8 Julai 2015-26 Ogos 2016



En. Ahmad Redzuan Sharipuddin
Tempoh Berkhidmat: 6 Ogos 2015-30 Disember 2016

STAF BAHARU



En. Muhammad Ridhuan Shah Bin Abdul Shukor
Jawatan: Pembantu Pustakawan S19



Cik Sharifah Nazirah Binti Syed Omar
Jawatan: Pustakawan S41



Cik Nurul Hamira Binti Abd Razak
Jawatan: Pembantu Pustakawan S19

STAF BERSARA



Nama: *Puan Nazatul Shima Baroji*
Tarikh Berkhidmat: 1 Okt 2005-22 Okt 2016

Pengenalan:

Butik PGS menyediakan barangan terpakai yang boleh dimiliki secara PERCUMA @ dibeli pada harga yang berpatutan. Merupakan inisiatif JK Amalan 5S Perpustakaan dengan peruntukan dari Kluster Waste (EcoGreen) UMP.

Tujuan:

- Mengumpulkan barangan terpakai.
- Mewujudkan kesedaran tentang guna semula.
- Memberi peluang kepada warga UMP untuk menderma.

Kategori barangan :

- Pakaian Dewasa & Kanak-Kanak
- Tudung
- Beg & Kasut
- Hiasan & Aksesori
- Buku
- Alat Permainan
- Barangan Sukan

Bagaimana anda boleh menyumbang:

Drop box di Butik PGS bagi barangan percuma. Hubungi nombor telefon tertera untuk barangan yang ingin dijual, membeli barangan dan mendapatkan barangan secara percuma di Butik PGS.

Pertanyaan & maklumat lanjut:

Tel: 09-424 5604/5646/5617

Emel: pgsump@gmail.com

Lokasi: Aras 1, Perpustakaan Pekan

